

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN
(KAMPAR)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a) bilangan pekerja asing di negara ini dan sumbangan mereka kepada KDNK daripada segi jumlah dan peratus KDNK dalam tempoh 10 tahun yang lalu ; dan
- (b) jumlah wang yang dihantar ke luar negeri oleh pekerja asing dan destinasi wang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bilangan pekerja asing di Malaysia pada tahun 2017, seperti

yang dilaporkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN), dianggarkan berjumlah 1,797,377 iaitu 12% daripada jumlah tenaga pekerja. Kebanyakan pekerja asing bekerja dalam sektor perkilangan (36%), diikuti oleh sektor pertanian (23%), sektor perkhidmatan (21%), dan sektor pembinaan (20%).

2. Walau bagaimanapun, sejak tahun 2007, jumlah pekerja asing yang bekerja di Malaysia telah menurun sebanyak 247,428 orang (2017: 1,797,377 orang, 2007: 2,044,805 orang). Dalam tempoh 10 tahun yang lalu, pekerja asing lazimnya bertumpu dalam sektor berproduktiviti rendah, seperti pertanian (25.7%) dan pembinaan (19.5%).

3. Berdasarkan kajian Kumpulan Bank Dunia (*World Bank Group*), peningkatan bersih sebanyak 10% dalam jumlah pekerja asing yang berkemahiran rendah akan meningkatkan keluaran dalam negeri kasar benar (*real GDP*) sebanyak 1.1%[1]. Walau bagaimanapun, ini tidak mengambil kira kualiti pekerjaan yang diwujudkan.

4. Jumlah wang yang dihantar ke luar negara untuk ganjaran dan pampasan pekerja asing di Malaysia telah meningkat daripada RM22,717.1 juta pada tahun 2013 kepada RM32,951.9 juta pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut telah berkurang sejak tahun 2015. Lima destinasi utama pengiriman wang oleh pekerja asing adalah Indonesia, Bangladesh, Nepal, India dan Filipina[2].

[1] Malaysia Economic Monitor (MEM), December 2015

[2] Statistik bagi penyedia perkhidmatan pengiriman wang yang dilesenkan di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 sahaja.